

0951

R 8738 DEB
MAHATHIR - PERPADUAN

PULAU PINANG, 2 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT BERBILANG KAUM PERLU MENGEKALKAN KEHARMONIAN AGAR PENCAPAIAN EKONOMI YANG BERTAMBAH PESAT SEKARANG SEMAKIN KUKUH.

KATANYA PEMULIHAN EKONOMI NEGARA KINI SELEPAS MENGALAMI KEMELESETAN YANG AMAT TERUK PADA TAHUN-TAHUN 1985/86 BUKAN KERANA PENINGKATAN HARGA KOMODITI KELUARAN NEGARA TETAPI KERANA RAKYAT BERSABAR DAN BERUPAYA MENGELUARKAN BARANGAN DENGAN HARGA BERPATUTAN YANG MAMPU BERSAING DI PASARAN DUNIA.

+HASILNYA KITA KINI MAMPU MENGEKSPORT LEBIH BANYAK BARANGAN DAN SECARA LANGSUNG TELAH DAPAT MENINGKATKAN PENDAPATAN NEGARA,+ KATA PERDANA MENTERI PADA JAMUAN MALAM RAKYAT PULAU PINANG DI PADANG KOTA LAMA DI SINI MALAM INI. BELIAU BERADA DI SINI UNTUK MELANCARKAN GERAKAN SETIA BERSAMA RAKYAT (SEHARAK) PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG ESOK.

BELIAU BERKATA, ANGKA TUNJUK PADA ENAM BULAN PERTAMA TAHUN INI MENUNJUKKAN BAHAWA PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA MENINGKAT KEPADA 7.5 PERATUS YANG JAUH LEBIH BAIK DARIPADA KEBANYAKAN NEGARA MAJU.

DENGAN ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, RAKYAT HARUS MENGEKALKAN KEHARMONIAN DAN PERPADUAN KAUM AGAR KECAPAIAN EKONOMI YANG TERUS MENUJU KE ARAH PEMULIHAN AKAN PULIH LANGSUNG DALAM MASA SESINGKAT-SINGKATNYA. -- LAGI

2317MST 02 09 88

0952

R 8739 DEB
MAHATHIR - PERPADUAN 2 PULAU PINANG

+KITA MAMPU MEMBANGUNKAN NEGARA, HANYA YANG DIPERLUKAN IALAH KEHARMONIAN, TIADA HURU-HARA DAN RAKYAT BERBILANG KAUM PULA TERUS MENGAMALKAN SIKAP BEKERJA KERAS,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

DENGAN MENYEBUT TRAGEDI PELANTAR FERI RUNTUH SEBAGAI CONTOH, BELIAU BERBANGGA KERANA RAKYAT TERUS MENUNJUKKAN SEMANGAT MUHIBAH DAN BEKERJASAMA TANPA MENGIRA KAUM, AGAMA DAN KETURUNAN.

KETIKA MENYEBUT JAMUAN MAKAN MALAM INI SEBAGAI CONTOH SELANJUTNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERHIMPUNAN RAKSASA RAKYAT BERBILANG KAUM MALAM INI MENUNJUKKAN RAKYAT INGIN HIDUP AMAN DAMAI DAN TIDAK MAHU SEBARANG KETEGANGAN ATAU PERASAAN TAKUT-TAKUT MUJUD.

BELIAU BERKATA SESUATU KAUM TIDAK SEHARUSNYA IRI HATI TERDAPAT KAUM LAIN KERANA KEKAYAAN YANG TERDAPAT DI NEGARA INI BANYAK YANG DAPAT DIBAHAGI SAMA RATA.

+YANG PENTING IALAH SETIAP RAKYAT HARUSLAH BERUSAHA DAN BERBUAT APA YANG BAIK DAN MENINGGALKAN PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MEROSAKKAN PERPADUAN DAN KEHARMONIAN ANTARA MEREKA. -- LAGI

2319MST 02 09 88

0953

R 0740 DEB
MAHATHIR - PERPADUAN 3 PULAU PINANG

+ITU JUGALAH SEBABNYA KERAJAAN MENGANJURKAN GERAKAN SETIA BERSAMA RAKYAT (SEMARAK) SEBAGAI MEMBUKTIKAN BAHAWA PEMIMPIN DAN RAKYAT BERBILANG KAUM SECARA KEROHANIAN DAN FIZIKAL, SEMUA ADALAH RAKYAT MALAYSIA YANG BERBANGGA DENGAN KEJAYAAN NEGARA KITA,+ TEGASNYA.

MENGENAI KEBUDAYAAN, PERDANA MENTERI SUKACITA KERANA KINI SEDIKIT DEMI SEDIKIT WUJUD KESAMAAN KEBUDAYAAN ANTARA KAUM YANG SATU HARI KELAK HASRAT MELAHIRKAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN YANG DIINGINI TERCAPAI.

DI PULAU PINANG SAHAJA, UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN MENUNJUKKAN TERDAPATNYA BANYAK PERSAMAAN, DENGAN KEBUDAYAAN MELAYU MEMPUYAI UNSUR KECINAAN DAN SEBALIKNYA, MANAKALA PENGARUH KEBUDAYAAN INDIA MEMANG TELAH SEBATI SEJAK LAMA DAHULU.

OLEH ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP RAKYAT TIDAK MALU DENGAN KESAMAAN YANG WUJUD ITU SEBALIKNYA HENDAKLAH MEMUPUKNYA HINGGA AKHIRNYA RAKYAT BENAR-BENAR BERSATU PADU SERTA HIDUP AMAN DAMAI.

PERDANA MENTERI, YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, AKAN MELANCARKAN SEMARAK ITU DI AMPANGAN MENGGUANG, BUKIT MERTAJAM PAGI ESOK. -- BERNAMA
2321MST 02 09 88